

Negara amat perlukan pelajar berkualiti — PM

UM - 22/2/2006

PERTH 21 Feb. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan, negara sangat-sangat memerlukan golongan pelajar sebagai modal insan berkualiti dalam menjana pembangunan negara bagi mencapai status negara maju menjelang 2020.

Sehubungan itu kata Perdana Menteri, golongan pelajar yang sedang menuntut di pelbagai institusi pengajian tinggi sama ada di dalam atau luar negara perlu menjadi pelajar cemerlang yang berupaya menguasai ilmu pengetahuan yang dipelajari serta mempunyai sikap yang

baik.

“Apa yang kita perlukan ialah pemimpin masa depan yang baik, berpelajaran dan berpekerti mulia.

“Kerana pandai dan berilmu pengetahuan sahaja tidak cukup. Kita perlu ada sikap dan nilai-nilai yang baik, integriti, kuat bekerja serta ada akauntabiliti.

“Tidak guna menjadi pandai tetapi pembohong, tidak guna jadi pandai tetapi penipu. Kita tidak mahu pandai tetapi tidak jujur. Orang macam ini akan buat banyak perkara yang merosakkan.

Cerdik tetapi tidak berguna,” tegasnya ketika berucap pada perjumpaan dengan para penuntut Malaysia di Hyatt Hotel, di sini hari ini.

Kira-kira 300 pelajar Malaysia yang menuntut di pelbagai institusi pengajian tinggi di sini hadir pada perjumpaan tersebut.

Turut hadir ialah Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan; Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam dan Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Dr. George Chan.

Perdana Menteri berada di sini bagi

menerima Ijazah Doktor Kehormat dalam bidang teknologi dari Curtin University esok.

Menurut Abdullah lagi, sebagai sebahagian daripada modal insan masa depan, golongan pelajar memainkan peranan yang penting apabila tamat belajar dan memasuki dunia pekerjaan.

Katanya, golongan ini juga bakal menjadi kumpulan pembuat keputusan yang penting bagi negara tidak kira mereka bekerja di sektor awam, swasta ataupun syarikat sendiri.

— Utusan